

No. Siri:

Harga : RM30.00



**JABATAN PERHUTANAN NEGERI,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**DOKUMEN SEBUT HARGA
PHN.NS.SH 16/2020**

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMBEKALAN
PAPAN PLET HUTAN SIMPAN**

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA:

**17 JUN 2020 (RABU)
JAM 12.00 TENGAHARI**

PERHATIAN

Pembekal yang berminat dinasihatkan agar meneliti dokumen sebutharga ini secara teliti dan terperinci sebelum menyertai sebutharga ini bagi mengelakkan salah tafsiran, keciciran maklumat dan kegagalan untuk menyempurnakan perbekalan yang dikehendaki dan seterusnya menyebabkan pembekal dikenakan penalti/denda atau disenaraihitamkan.

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

1.	Kenyataan Sebut Harga		3
2.	Lampiran Q		4-6
3.	Lampiran A	- Arahan Kepada Penyebutharga	7-10
4.	Lampiran B	- Syarat-Syarat Am Sebutharga	11-14
5.	Lampiran C	- Syarat-syarat Tambahan	15-16
5.	Lampiran D	- Surat Akuan Pembida	17
6.	Lampiran E	- Borang Akuan Sebutharga	18-19
7.	Lampiran F	- Jadual Tawaran Harga	20
8.	Lampiran G1&G2	- Pematuhan Spesifikasi	21-22
9.	Lampiran H	- Keterangan Mengenai Penyebutharga	23-25
10.	Lampiran I	- Pengalaman Syarikat	26
11.	Lampiran J	- Kerja-Kerja Semasa Yang Sedang Dijalankan (Kontrak Masih Berkuatkuasa)	27
12.	Lampiran K	- Maklumat Tambahan	28
13.	Senarai Semak		29-30

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

JABATAN PERHUTANAN NEGERI NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam **kod bidang 010401** (Pembekalan Papan Tanda) seperti di bawah bagi menyertai sebutharga berikut:

TAJUK SEBUTHARGA	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH DAN WAKTU SEBUTHARGA DITUTUP
Perkhidmatan Pembekalan Papan Plet Hutan Simpan	Dokumen sebutharga boleh dimuatturun di pautan : http://forestry.ns.gov.my mulai 3 Jun 2020	010401 (Perbekalan Papan Tanda)	17 JUN 2020 (RABU) Tidak lewat pada jam 12.00 tengahari

2. Dokumen Sebutharga ini dijual dengan harga **RM30.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Sahaja)**. Bayaran hendaklah dibuat secara **PERBANKAN INTERNET SAHAJA** seperti yang berikut:
 - No. Akaun : **8004433398 (CIMB BANK)** atas nama **BENDAHARI NEGERI NS - AKAUN TERIMAAN**
 - Penyebutharga **DIWAJIBKAN** mengisi maklumat **Kod Bayaran** seperti yang berikut:
 - Rujukan 1: No. Sebutharga **PHN.NS.SH 16/2020**
 - Rujukan 2: Nama Syarikat
 - Slip Bayaran hendaklah dikepilkkan bersama-sama dokumen sebutharga sewaktu serahan.
3. Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi perlu dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan, Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Malek, 70503 Seremban, Negeri Sembilan sebelum atau pada 17 Jun 2020 pukul 12.00 tengahari.
4. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Jabatan juga berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut

Sebarang pertanyaan mengenai dokumen dan spesifikasi sebutharga ini boleh menghubungi pegawai berikut :

Puan Stephinie Lai @ Lai Rei Yeni (067-659849 – Ext :114)

Tarikh : 3 Jun 2020

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini

No. Sebut Harga :
PHN.NS.SH 16/2020

(Kew. 284-Pin. 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat)	Pelawaan Sebutharga dikeluarkan oleh Kementerian/ Jabatan <i>(Alamat Lengkap)</i>
.....	
.....	
No. Tel:	Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus, Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Malek, 70503 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan:	No. Telefon: 06-7659849/7659875 Tarikh: 17 Jun 2020

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan perkhidmatan ini :
010401

1. Sila beri Sebutharga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan : (Sila lihat Arahan kepada Penyebut Harga
 - 1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki : _____
 - 1.3. Arahan pengiriman : Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan.

- 1.4. Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor Sebutharga **No. Sebutharga: PHN.NS.SH 16/2020**
- 1.5. Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada **17 Jun 2020 (Rabu) sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari.**
- 1.6. Tempoh sah laku Sebutharga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup.

Tarikh:

Tandatangan:

Nama Pegawai:

Jawatan:

Bil.	Perihal bekalan/ perkhidmatan dan Syarat- Syarat Khas	Unit Ukuran/Kuantiti	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/ Jabatan			Untuk diisi oleh Penyebutharga
1.	Perkhidmatan Pembekalan Papan Plet Hutan Simpan	Seperti di lampiran F (Jadual Tawaran Harga)
(Dalam Perkataan Ringgit Malaysia):			

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih termasuk dikenakan caj SST (sila sertakan sijil pendaftaran dengan Jabatan Kastam diRaja Malaysia); dan

(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah : _____

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebutharga

Nama dan K/P :

Alamat Syarikat :

.....

Tarikh :

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

Penyebutharga hendaklah mematuhi syarat-syarat ini sepenuhnya apabila menyertai Sebutharga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan sebutharga tidak dipertimbangkan dan terus ditolak.

1. PERIHAL SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada Penyebutharga Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 010401 **yang pendaftarannya masih berkuat kuasa.**

2. CADANGAN SEBUTHARGA

- 2.1 Penyebutharga hanya dibenarkan menghantar SATU (1) cadangan sahaja bagi sebutharga yang ditawarkan.
- 2.2 Cadangan sebutharga yang lengkap dan sempurna diisi hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga yang disediakan sebelum tarikh dan waktu tutup sebutharga. Peti sebutharga ditempatkan di alamat berikut :-

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan
Tingkat 4, Blok C
Wisma Negeri
70503 SEREMBAN

- 2.3 Penghantaran dokumen tawaran sebutharga hendaklah tiba di alamat ini sebelum 12.00 tengahari pada tarikh tutup sebutharga. Kelewatan menghantar dokumen tawaran sebutharga tidak akan dilayan.
- 2.4 Semua penyebutharga hendaklah mematuhi sepenuhnya semua syarat ini apabila menyertai sebutharga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan, menyebabkan sebutharga tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak.
- 2.5 Kos penyertaan sebutharga dan penyediaan dokumen sebutharga adalah ditanggung sendiri oleh penyebutharga. Jabatan tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa jua kos yang terlibat.

3. JANGKA MASA SAH LAKU SEBUTHARGA

Sebutharga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebutharga. Penyebutharga tidak boleh menarik balik sebutharganya sebelum tamat tempoh sah sebutharga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebutharga menarik balik sebutharganya sebelum tamat tempoh sah sebutharga.

4. SPESIFIKASI KERJA DAN JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI

Spesifikasi kerja dan jadual pematuhan spesifikasi bagi skop perkhidmatan/perbekalan ini adalah dinyatakan dalam **Lampiran G1** dan **G2** dan perlu ditandatangani.

5. DOKUMEN SEBUT HARGA

Sebutharga hendaklah dibuat di atas borang-borang **ASAL** yang telah disediakan dan selepas ini dipanggil dokumen sebut harga.

6. PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN SEMASA PENGISIAN DOKUMEN

Semua pembetulan/pindaan ke atas kesilapan-kesilapan yang dibuat terutamanya dalam Jadual Harga dan Surat Akuan Penyebutharga hendaklah ditandatangani ringkas oleh orang yang menandatangani dokumen Sebutharga serta dicopkan dengan cop Penyebutharga (syarikat). Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentangan dengan kesilapan yang dibetulkan/dipinda. Pembetulan/pindaan hendaklah dibuat dengan jelas supaya mudah dibaca.

7. PINDAAN DOKUMEN SEBUTHARGA SEBELUM TARIKH TUTUP SEBUTHARGA

Pihak Kerajaan berhak pada bila-bila masa sebelum tarikh tutup sebutharga meminda dokumen sebutharga dalam menyediakan Addendum. Kerajaan akan memberi notis bertulis kepada penyebutharga yang telah membeli dokumen sebutharga.

8. PEMBERITAHUAN TAWARAN

Kerajaan akan memberi notis bertulis dalam bentuk Surat Setuju Terima sebutharga kepada penyebutharga yang berjaya apabila sebutharganya dipersetujui dalam jangka masa sahlaku sebutharga atau jangka masa tambahan yang terlibat.

9. CADANGAN HARGA

9.1 Harga bagi semua perkara dan bidang kerja yang disebuthargakan mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan hendaklah termasuk semua kos perkhidmatan. Harga ini mestilah sah laku (valid) dalam tempoh 90 hari daripada tempoh sebutharga.

9.2 Harga-harga yang ditawarkan adalah termasuk semua kos seperti pengangkutan, perkhidmatan, peralatan, insurans dan lain-lain yang bersangkutan dengan Sebut Harga Membekal dan Menghantar Papan Plet Hutan Simpan JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN di lokasi yang ditetapkan.

- 9.3 Harga-harga yang ditawarkan dalam sebutharga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebutharga ditutup, dan akan berkuatkuasa selama tempoh sah laku sebutharga. Syarikat yang berjaya ditawarkan sebutharga ini hendaklah mematuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

10. PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN

- 10.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 10.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

11. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/ MENOLAK SEBUT HARGA SERTA SETUJU TERIMA SEBUTHARGA

- 11.1 Kerajaan tidak terikat mempersetujui terima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga jua pun. Keputusan Sebutharga adalah muktamad. Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan (JPNS) tidak akan melayan sebarang surat-menyurat yang berupa rayuan dari mana-mana penyebutharga berkenaan disebabkan sebutharga mereka tidak berjaya.
- 11.2 Kontrak ini dijangka akan bermula pada tarikh sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima kelak.
- 11.3 Penyebutharga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak (jika berkaitan) dengan Kerajaan Malaysia atau Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut.

12. PERUBAHAN SYARAT-SYARAT

- 12.1 Kerajaan sentiasa berhak mengubah daripada semasa ke semasa syarat-syarat yang dinyatakan dan mulai daripada tarikh yang dinyatakan oleh Kerajaan, perkhidmatan/perbekalan yang dikehendaki itu hendaklah mengikut perubahan-perubahan tersebut.

12.2 Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan perbelanjaan bagi pengeluaran, maka harga peralatan yang terlibat dengan perubahan itu hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua – dua pihak secara bertulis.

13. PEMBAYARAN

Kerajaan akan membuat pembayaran dalam Ringgit Malaysia (RM) kepada Syarikat yang telah terpilih setelah penghantaran barang selesai dibuat dan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

14. PENAMATAN KONTRAK

14.1 Kontrak ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa dengan syarat satu notis bertulis telah terlebih dahulu diberikan oleh Jabatan dalam masa satu (1) bulan sebelum penguatkuasaannya dan penyebutharga tidak akan bertanggungjawab untuk menjalankan apa-apa arahan yang diberi kepadanya selepas habis tempoh notis tersebut.

14.2 Penamatan kontrak ini tidak akan menjejaskan kewajipan Penyebutharga untuk menjalankan apa-apa arahan yang diberi kepadanya sebelum habis tempoh notis tersebut.

14.3 Jabatan boleh menamatkan kontrak ini secara serta merta :

- i) Dalam masa satu (1) bulan selepas kontrak ini berkuatkuasa, jika Penyebutharga gagal memberi perkhidmatan yang ditetapkan.
- ii) Jika Penyebutharga telah didapati gagal melaksanakan perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan dengan memuaskan mengikut penilaian Pengarah JPNS atau wakil.
- iii) Sekiranya tidak berkemampuan untuk meneruskan kontrak ini dan/ atau telah menjadi muflis.
- iv) Jika didapati berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan kontrak ini oleh Penyebutharga.
- v) Penyebutharga adalah sebuah syarikat yang mana satu perintah penggulungan telah dibuat terhadapnya oleh mahkamah.
- vi) Penyebutharga menyerah kontrak untuk dilaksanakan oleh kontraktor lain.

Dengan syarat sentiasa bahawa penamatan kontrak di atas tidak akan menjejaskan sebarang hak atau remedi yang terakru kepada Jabatan.

SYARAT-SYARAT AM SEBUTHARGA

1. KEADAAN SEKARANG

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item dan perlu menyatakan dengan jelas bilangan item dan harga.

4. BARANG-BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga.
- (iii) Penyebutharga yang dipilih perlu membekalkan barangan atau perkhidmatan pada atau sebelum masa yang di tetapkan oleh Kerajaan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan adalah sentiasa berhak mengkehendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang (perkhidmatan) yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. **PENOLAKAN**

- (i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.
- (ii) Apabila diminta Penyebutharga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.
- (iii) Fasa kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kemungkinan kontrak.

9. **KADAR DENDA**

Penyebut Harga sekiranya ditawarkan sebut harga ini akan dikenakan denda seperti berikut :

- 9.1 Pihak kontraktor dikehendaki sentiasa mematuhi segala syarat-syarat yang dikenakan/ dikuatkuasakan oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus. Keputusan pihak Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus adalah **MUKTAMAD**.
- 9.2 Denda akan dikenakan di atas kelewatan kerja dengan kadar sebanyak **0.025% / hari dari nilai kontrak** bermula sejurus selepas tempoh kontrak berakhir.
- 9.3 Bayaran denda akan dipotong dari harga tawaran mengikut kos yang difikirkan sesuai oleh Pihak Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus bagi mana-mana perkara yang tidak mengikut spesifikasi tawaran ini.

10. **PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

11. **TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

12. **INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

13. **CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai cukai jika berkenaan.

14. **PEMBUNGKUSAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

15. **PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

16. **CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

17. **MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM)

18. **PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak membungkus.
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga

19. PENGHANTARAN

- 19.1 Penyebut Harga yang berjaya WAJIB membuat **penghantaran ke Stor Simpanan di Pejabat Tapak Semaian Mantin** seperti di **Lampiran F**. Kerajaan berhak ke atas penghantaran berdasarkan permintaan yang munasabah dan bagi kes-kes kecemasan.
- 19.2 Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan adalah sentiasa berhak untuk menanggung atau mempercepatkan jadual penghantaran tersebut bagi memenuhi keperluan semasa.
- 19.3 Penyebut Harga yang berjaya perlu menyediakan dan menanggung risiko kos barang tersebut, buruh, pengangkutan dan segala yang perlu bagi membekal dan menghantar barang tersebut ke Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan.
- 19.4 Penyebut Harga adalah bertanggungjawab ke atas sebarang kesukaran atau kerosakan yang timbul akibat dari penggunaan barangan yang dibekalkan yang tidak mengikut spesifikasi dan menanggung semua kos yang terlibat.
- 19.5 **Jaminan mutu selama tiga (3) Bulan dari tarikh penghantaran** /penerimaan papan plet hendaklah diganti oleh syarikat tanpa sebarang kos.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Syarat-syarat tambahan ini adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.

1. Penyebut Harga jika berjaya adalah dikehendaki berbincang dengan pihak Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan untuk :
 - i. Mengatur jadual pembekalan barangan;
 - ii. Taklimat mengenai peraturan-peraturan Akta Perhutanan dan;
 - iii. Lain-lain perkara yang berkaitan
2. Penyebut Harga hendaklah mengemukakan senarai nama pekerja yang akan menjalankan kerja-kerja **Perkhidmatan Pembekalan Papan Plet Hutan Simpan** seperti yang dicadangkan di Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Senarai nama hendaklah mengandungi nama penuh, bangsa, kerakyatan dan nombor kad pengenalan/no. pasport. Bagi pekerja-pekerja yang bukan warga negara Malaysia adalah menjadi tanggungjawab Penyebut harga bahawa mereka mempunyai permit kerja yang sah.
3. Penyebut Harga adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pekerja-pekerjanya bagi hal seperti berikut:
 - i. Pembayaran gaji dan upah;
 - ii. Displin dan kebajikan;
 - iii. Keselamatan pekerja;
 - iv. Pengangkutan; dan
 - v. Pakaian seragam
4. Penyebut Harga semasa perkhidmatan sedang berjalan adalah bertanggungjawab ke atas keselamatan:
 - i. Pekerja-pekerja Penyebut Harga; dan
 - ii. Harta-harta Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

Penyebut Harga adalah dikehendaki membaiki atau mengganti apa-apa kerosakan yang berlaku kepada harta-harta Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan akibat daripada kelalaian dan kecuaiian pekerja Penyebut Harga semasa menjalankan kerja-kerja dalam pembekalan Alat Tulis seperti yang dicadangkan. Penyebut Harga dikehendaki meletakkan tanda 'AMARAN' sekiranya kerja-kerja yang sedang dijalankan itu mempunyai unsur-unsur bahaya kepada warga Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dan orang ramai.

5. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan atau wakil-wakilnya adalah sentiasa berhak untuk memeriksa kerja-kerja yang sedang dilaksanakan. Penyebut Harga dikehendaki memberi kerjasama dan kemudahan kepada Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dan wakil-wakilnya untuk menilai serta memeriksa kerja-kerja yang sedang dijalankan.
6. Pihak Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan berhak pada bila-bila masa menamatkan perkhidmatan ini di antara Penyebut Harga dan Kerajaan Malaysia sekiranya didapati perkhidmatan yang diberi oleh Penyebut Harga tidak memuaskan atau melanggar syarat-syarat Sebut Harga/perjanjian.

SURAT AKUAN PEMBIDA

NO. SEBUT HARGA: PHN.NS.SH 16/2020

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMBEKALAN PAPAN PLET HUTAN SIMPAN

Saya,..... Nombor K.P yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga /sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebutharga/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebutharga/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana- mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

- Catatan:
- i) *Potong mana yang tidak berkenaan.
 - ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

BORANG AKUAN SEBUTHARGA

Pengarah
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan
Tingkat 4 Blok C
Wisma Negeri
70503 SEREMBAN

Tuan,

PHN.NS.SH 16/2020 - SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMBEKALAN PAPAN PLET HUTAN SIMPAN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Syarikat _____ mengesahkan mengambil bahagian dalam **sebutharga PHN.NS.SH 16/2020** untuk Perkhidmatan Pembekalan Papan Plet Hutan Simpan.

3. Syarikat sebagai penyebutharga dengan ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan syarat-syarat sebutharga, kontrak dan penentuan kerja yang terkandung dalam dokumen sebutharga. Syarikat telah memahami bahawa Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan (JPNS) berhak menerima atau menolak sebutharga ini sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dalam harga tawaran lain.

4. Syarikat bersetuju bahawa sebutharga yang ditawarkan ini laku (valid) selama sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup sebutharga. Dalam tempoh tersebut syarikat tidak boleh menarik diri daripada tawaran ini.

5. Syarikat bersetuju harga yang ditawarkan sebagai asas perkiraan bagi pembayaran di atas perkhidmatan/perbekalan yang diberikan kepada Jabatan setelah perkhidmatan/perbekalan tersebut disahkan oleh pihak Jabatan.

7. Kami yang bertandatangan di bawah ini setelah meneliti dan menyemak segala dokumen sebutharga serta syarat dan peraturan seperti yang dinyatakan adalah dengan ini bersetuju mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak JPNS dengan

Jumlah Keseluruhan **RM**.....

(Dalam Perkataan Ringgit Malaysia)

.....
.....
.....

* (Harga yang dinyatakan hendaklah sama seperti di **Lampiran F (Jadual Tawaran Harga)**). Butir-butir lanjut mengenai sebutharga ini adalah seperti yang dinyatakan di Ringkasan Sebutharga.

(Tandatangan Orang yang diberi Kuasa)

Nama : _____

No. Kad
Pengenalan : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

Cop Syarikat

Nama Saksi : _____

No. Kad
Pengenalan : _____

Jawatan : _____

Alamat : _____

Tarikh : _____

Tandatangan Saksi


JADUAL TAWARAN HARGA**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMBEKALAN PAPAN PLET HUTAN SIMPAN**

DIISI OLEH JABATAN			DIISI OLEH PENYEBUTHARGA		
BIL	ITEM	KUANTITI	JENAMA (JIKA BERKAITAN)	*HARGA SEUNIT (RM)	*HARGA KESELURUHAN (RM)
1	Membekal Papan Plet High Conservation Value Forest (HCVF)	4			
2	Membekal Papan Plet "DILARANG MASUK" Hutan Simpan	200			
JUMLAH (RM)					
CAJ SST (JIKA BERKAITAN)					
JUMLAH KESELURUHAN (RM)					

2. Saya bersetuju untuk menyiapkan kerja-kerja dalam masa ()
Minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang ditetapkan.

Nama dan Cop Syarikat :

PEMATUHAN SPESIFIKASI PAPAN PLET HCVF



Sumber: Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 8 Tahun 2015. Panduan Penubuhan dan Pengurusan Kawasan Hutan Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi (HCVF) dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Semenanjung Malaysia.

***Maklumat yang perlu diisi hendaklah merujuk kepada pegawai penyelia sebutbarga terlebih dahulu.


Nama dan Cop Syarikat :

PEMATUHAN SPESIFIKASI
PAPAN PLET HUTAN SIMPANAN KEKAL

1. Plet Sempadan HSK hendaklah diperbuat daripada kepingan logam aluminium dan ditulis dengan huruf timbul berwarna hitam dan merah serta belatarbelakang warna kuning seperti contoh di Lampiran 1. Spesifikasi terperinci adalah seperti berikut:
 - (i) Bahan : Aluminium composit – AC Bond 3mm
 - (ii) Warna : Kuning (INCA YELLOW) atau setara denganya.
 - (iii) Saiz : 60 cm (tinggi) x 75 cm (lebar)
 - (iv) Border : Hitam – 5 mm
 - (v) Jata/ Logo : Jata Negeri diletakkan pada penjuru atas sebelah kiri manakala logo Jabatan diletakkan pada penjuru atas sebelah kanan mengikut warna sebenar dengan saiz ketinggian jata/logo 4.0 cm.
 - (vi) Tulisan:
 - Semua tulisan dengan menggunakan huruf besar.
 - HUTAN SIMPANAN KEKAL ditulis dengan huruf timbul menggunakan tulisan 'Arial Narrow – bold' berwarna hitam dan bersaiz 3.0 cm tinggi atau saiz huruf '28'.
 - DILARANG MASUK ditulis dengan huruf timbul menggunakan tulisan 'Arial Narrow – bold' berwarna merah dan bersaiz 5.0 cm tinggi atau saiz huruf '44'.
 - ARAHAN PENGARAH PERHUTANAN NEGERI: menggunakan tulisan 'Arial Narrow – bold' berwarna hitam dan bersaiz 2.0 cm tinggi atau tulisan '16'.

Sumber: Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 1 Tahun 2015. Panduan Penyediaan Papan Tanda dan Plet Sempadan Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia

Rajah 2 : **CONTOH PAPAN PLET HUTAN SIMPANAN KEKAL**



Nama dan Cop Syarikat :

KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA

1. NAMA PENYEBUT HARGA:
(Syarikat)

2. ALAMAT PENYEBUT HARGA:

i. Ibu Pejabat : _____

ii. Cawangan : _____

3. TELEFON PENYEBUT HARGA:

i. Ibu Pejabat : _____

ii. Telefon Bimbit : _____

iii. Faks : _____

iv. Cawangan : _____

4. PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN

4.1. Tempoh Pendaftaran Mulai : _____
(Wajib menyertakan salinan sijil) Hingga : _____

4.2. Taraf Penyebut Harga: *Bumiputra/Bukan Bumiputra
(Sila sertakan sijil pengiktirafan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia)

5. PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)

Tempoh Pendaftaran Mulai : _____
(Wajib menyertakan salinan sijil) Hingga : _____

6. MODAL PENYEBUT HARGA: (Isi mana yang berkenaan sahaja)

6.1. Perseorangan/Perkongsian : RM _____

6.2. Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.)/Berhad (Bhd) :

6.2.1. Modal Dibenar : RM _____

6.2.2. Modal Dibayar : RM _____

7. BUTIR-BUTIR PEMILIKAN (OWNERSHIP)

7.1. Perseorangan:

Nama Pemilik: _____

No. K/P: _____

7.2. Perkongsian:

Nama Pekongsi	No. K/Pengenalan	% Kongsian

7.3. Sendirian Berhad/Berhad

Nama Pemegang Saham	No. K/Pengenalan	% Bahagian

(Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

8. PENYATA KEWANGAN BAGI 3 BULAN TERAKHIR (MAC 202,APRIL 2020 DAN MEI 2020)

Baki Akaun Bank Tertinggi :

Baki Akaun Bank Terendah :

Penyata Bank mulai : _____ hingga _____

Nilai Aset Semasa :

Nilai Liabiliti Semasa :

**** PENYEBUT HARGA WAJIB** menyertakan **PENYATA KEWANGAN** untuk 3 bulan. Kegagalan menyertakan dokumen berkenaan akan menyebabkan Sebutharga tidak akan dipertimbangkan.

PENGALAMAN SYARIKAT

Senarai Pengalaman Dalam Sebut Harga Membekal Papan Plet Hutan Simpan

Bil.	Jenis/Bidang Kontrak	Nama Agensi Kerajaan/Swasta	Nilai (RM)	Tempoh Kontrak
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				

*Sila sertakan bersama Salinan Surat Setuju Terima/Pengesahan Prestasi Pembekal di Lain-lain agensi

*Sila guna helaian berasingan sekiranya tidak mencukupi

**KERJA-KERJA SEMASA YANG SEDANG DIJALANKAN
(Kontrak Masih Berkuatkuasa)**

Bil.	Jenis/Bidang Kontrak	Nama Agensi Kerajaan/Swasta	Nilai (RM)	Tempoh Kontrak
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				

*Sila sertakan bersama Salinan Surat Setuju Terima/Pengesahan Prestasi Pembekal di Lain-lain agensi

*Sila guna helaian berasingan sekiranya tidak mencukupi

**MAKLUMAT TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN
(Jika ada/berkaitan)**

1.
.....
.....
.....

2.
.....
.....
.....

3.
.....
.....
.....

4.
.....
.....
.....

SENARAI SEMAK

Sila Tandakan (/) bagi dokumen-dokumen yang disertakan:

Bil.	Perkara/ Dokumen	Untuk Ditanda oleh Syarikat	Untuk Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut harga	
			Pengerusi	Ahli
1	Lampiran Q			
2	Lampiran A - Arahan Kepada Penyebutharga			
3	Lampiran B - Syarat-Syarat Am Sebutharga			
4	Lampiran C -Syarat-syarat Tambahan			
5	Lampiran D - Surat Akuan Pembida			
6	Lampiran E - Borang Akuan Sebutharga			
7	Lampiran F - Jadual Tawaran Harga			
12	Lampiran G1 dan G2 - Spesifikasi Papan Tanda			
13	Lampiran H - Keterangan Mengenai Penyebutharga			
14	Lampiran I - Pengalaman Syarikat			
15	Lampiran J - Kerja-Kerja Semasa Yang Sedang Dijalankan			
16	Lampiran K - Maklumat tambahan			
17	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan			
18	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Jika berkaitan)			
19	Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)			
20	Salinan Penyata Akaun Bank Bagi Tiga Bulan Terakhir (Mac, April dan Mei 2020)			
21	Salinan Slip Pembayaran			
22	Profail Syarikat (Jika ada)			

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada).

Tandatangan (1):

Tandatangan (2):

Nama:

Nama:

Jawatan:

Jawatan:

Tarikh:

Tarikh: